



Noor Mohamad
Shakil
Hameed

MINDA INTELEK

PROGRAM Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang diperkenalkan sejak lapan tahun lalu bermatlamatkan pembinaan dan mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai murni.

Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model daripada luar kerana dirangka, diolah dan dilaksanakan mengikut acuan dan cara kita sendiri.

Menyedari hakikat bahawa generasi muda tonggak dan harapan masa depan negara, maka peranan PLKN dalam hal memupuk semangat perpaduan dan patriotisme tidak dapat dinafikan lagi, malah dilihat cukup signifikan.

Ringkasnya, PLKN dilihat sebagai mekanisme penting untuk memupuk elemen perpaduan dan patriotisme dalam kalangan generasi muda di samping membudayakan unsur kesukarelawanan melalui khidmat bakti kepada masyarakat.

Kajian dengan kerjasama sekumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mababitkan 61,950 responden menunjukkan maklum balas positif melebihi 80 peratus terhadap semua komponen yang dinilai iaitu seman-

gat patriotisme, perpaduan kaum, semangat kesukarelawan, perwatakan positif, pembentukan remaja cergas serta berkeyakinan.

Program sebegini bukanlah perkara baru, sebaliknya banyak dilaksanakan di negara luar. Misalnya, Singapura memperkenalkannya pada 1967 ke atas semua warga negara lelaki berumur 18 tahun dengan objektif memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara serta untuk mempercepat proses pembinaan negara bangsa.

Kajian selama dua tahun setengah oleh Nair pada 1995 ke atas peserta yang mengikuti PLKN menunjukkan 76 peratus responden mengatakan program ini membantu mereka membina hubungan yang cukup baik dan rapat dengan rakan daripada etnik lain, manakala 53 peratus responden pula memberi maklum balas bahawa keharmonian kaum di Singapura akan terjejas andai program ini tidak dilaksanakan.

Oleh itu PLKN dilihat hadir tepat pada masanya untuk menyelamatkan remaja kita daripada terus hanyut dengan pelbagai masalah disiplin, sosial dan jenayah. Kita percaya peserta yang menamatkan PLKN sejak 2004 mampu memainkan peranan yang penting dalam hal ini untuk membetulkan tanggapan masyarakat terhadap masalah sosial yang sedang melanda belia negara ini.

Kumpulan itu mampu menjadi pembimbing kepada rakan mereka yang tidak berkesempatan mengikuti PLKN atau dalam erti kata

lain kumpulan anak muda ini boleh bertindak sebagai pembimbing rakan sebaya berkesan. Ini tidak mustahil untuk dilakukan kerana kebiasaannya pengaruh rakan sebaya cukup kuat dan mampu mengubah gaya hidup anak muda kerana rakan sering menjadi sumber inspirasi golongan itu.

Perpaduan kaum dan semangat patriotisme terus menjadi topik perbualan yang hangat dalam kalangan masyarakat kita. Antara isu yang diperdebatkan oleh masyarakat mutakhir ini ialah sejauh mana tahap perpaduan dan patriotisme dimiliki oleh anak muda yang bakal menjadi pewaris negara ini? Rakyat juga sering kali tertanya-tanya apakah generasi muda yang ada hari ini mampu mempertahankan kemerdekaan yang telah kita kecapi?

Penulis yakin bahawa anak muda yang boleh menunaikan harapan masyarakat itu ialah kelompok remaja yang berjaya mengikuti PLKN kerana segala impian dan hasrat masyarakat mampu dipenuhi dan direalisasikan oleh mereka dan perkara ini tidak mustahil berlaku dengan hasil latihan yang diperoleh selama tiga bulan di PLKN.

Kita yakin benih perpaduan dan patriotisme dapat disemai ke dalam sanubari anak-anak kita melalui PLKN yang mampu membuka mata dan minda mereka untuk mengenali erti perpaduan dan patriotisme melalui pergaulan dengan rakan-rakan daripada pelbagai bangsa dan agama.

Dalam hal ini peranan ibu bapa

juga mustahak. Mereka perlu memastikan anak-anak mereka yang terpilih untuk mengikuti latihan PLKN dapat terus menyertai latihan berkenaan tanpa sebarang alasan tidak munasabah.

Dengan ini kita bukan saja dapat menyemai rasa tanggungjawab dan budaya menyumbang kembali kepada masyarakat, tetapi juga dapat membudaya dan menyuburkan aspek kesukarelawanan dalam kalangan generasi muda negara.

Dalam hal ini kerajaan perlu mempertimbangkan dengan sewajarnya cadangan Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) yang baru-baru ini telah mencadangkan kepada kerajaan supaya mewajibkan kesemua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dianggarkan 500,000 orang serta remaja yang berusia 18 tahun menyertai PLKN.

Menurut Pengerusinya, Datuk Dr Tiki Lafe, syor itu dibuat kerana pihaknya mendapati PLKN ialah program berkesan dalam mendisiplinkan remaja yang menyertainya. Ini adalah suatu cadangan yang cukup menarik dan wajar dilihat hadir tepat pada masanya demi terus memperkasakan peranan PLKN sebagai wahana untuk memperkukuh semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan generasi muda negara ini.

Tidak salah untuk kerajaan membuat pelaburan yang lebih dalam hal ini demi kelestarian masa depan remaja kita. Mengambil kira perkembangan terbaru ini sebagai proses

penambahbaikan yang berterusan dicadangkan agar kandungan modul dan kaedah pelaksanaan serta kesesuaian tempoh masa PLKN ini dinilai dan dikaji lagi dari semasa ke semasa supaya terus kekal relevan dan dapat memainkan peranan yang diharapkan oleh semua pihak.

Alumni PLKN boleh dibabitkan untuk memberi input mengenai kandungan modul yang mereka ikuti selama ini. Bagi tujuan itu perlu juga diteliti sama ada tempoh masa tiga bulan benar-benar mencukupi ataupun tidak untuk kumpulan pelatih ini memahami dan menghayati apa yang hendak disampaikan.

Sebagai usaha tambahan untuk menarik minat remaja menyertai program ini disyorkan juga pihak PLKN mengadakan siri penjelajahan ke sekolah terpilih serta kawasan kampung dan pedalaman untuk membuat promosi dan memberi penerangan mengenai kelebihan PLKN kepada golongan remaja dan juga ibu bapa.

Pada masa sama, PLKN juga wajar mengambil inisiatif untuk membukakan kejayaan pelaksanaan program ini terutama kisah kejayaan alumninya sejak 2004 sebagai bahan sejarah dan bukti kejayaan program hebat ini untuk rujukan generasi akan datang.

Tuntasnya, semoga PLKN dapat terus memainkan peranan sebagai wahana penting untuk memperkukuh perpaduan dan patriotisme dalam kalangan generasi pewaris masa depan negara ini mengikut cara dan acuan kita sendiri.

■ Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat Universiti Putra Malaysia.